



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 24 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Makanan kucing halal makin popular

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Niaga	38

Makanan kucing halal makin popular

PETALING JAYA – Produk makanan kucing halal kini dilihat semakin mendapat permintaan global, terutamanya daripada pasaran di rantau Asia Tenggara termasuk Filipina, Brunei dan Singapura.

Presiden Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. (Adabi), Adrian Roslan berkata, ketika makanan kucing di pasaran tempatan tidak memerlukan sijil halal, produk makanan kucing daripada jenama Power Cat keluaran syarikat untuk pasaran eksport telah menerima pensijilan halal daripada Majlis Ulama Indonesia.

Jelasnya, kecuali makanan kucing, kesemua produk makanan keluarannya untuk pasaran eksport menggunakan pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Pensijilan halal Jakim ini sememangnya diyakini di seluruh dunia dan kita patut berbangga apabila produk kita dapat menggunakan logo halal daripada Jakim. Proses untuk mendapatkannya pun bukan mudah.

"Kami ada menyatakan hasrat kepada Jakim supaya mewujudkan logo halal untuk makanan haiwan, namun kami faham bukan mudah untuk mewujudkan skop baharu dalam pensijilan halal.

"Pada masa sama, kami tidak melihat bahawa pihak Jakim memandang pensijilan halal bagi makanan haiwan ini adalah sesuatu yang tidak perlu," ka-



tanya kepada pemberita sewaktu mengunjungi ibu pejabat Kosmo! di sini baru-baru ini.

Adrian menjelaskan, produk makanan kucing halal keluaran syarikat mendapat sambutan amat baik dari pasaran luar negara terutamanya Filipina, sehingga fasiliti pengeluaran syarikat yang bertempat di Rawang tidak memiliki keupayaan mencukupi untuk memenuhi permintaan dari sana.

Jelasnya, Adabi bagaimana pun telah pun memulakan kerja-kerja naik taraf fasiliti pengeluaran makanan kucingnya termasuk melibatkan pembelian mesin baharu, yang dijangka selesai sekitar Jun ini.

"Adabi sebelum ini popular dengan produk serbuk kari, namun segmen ini sebenarnya telah jatuh ke tangga kedua dan digantikan dengan segmen makanan kucing yang kini menyumbang kira-kira 23 peratus daripada perolehan syarikat," ujarnya.

Adrian menambah, terdapat



ADRIAN berhasrat untuk mengembangkan pasaran eksport bagi makanan kucing halal keluaran syarikat ke negara baharu seperti Vietnam setelah kerja naik taraf fasiliti pengeluarannya selesai.

pasaran besar bagi makanan kucing halal di negara ini dan berdasarkan tinjauan pasaran yang dilakukan pihaknya, keperluan pensijilan halal untuk makanan kucing sememangnya ada.

"Ramai umat Islam yang membela kucing dan masyarakat Melayu pun ramai yang begitu

sensitif tentang isu halal ini.

"Ada pelanggan kami yang menyatakan mereka sedikit geli untuk memegang makanan haiwan yang tidak diketahui status halalnya sehingga ada yang mengenakan sarung tangan untuk mengendalikannya.

"Halal ini bukan sahaja meli-

batkan soal bersih, malah suci.

Kini ramai yang berbelanja banyak untuk penjagaan kucing peliharaan yang dianggap sebagai ahli keluarga sendiri dan mereka mahu memastikan makanan yang diberikan kepada hawian kesayangan adalah dijamin kesuciannya," katanya.

Harga Barangan tak alami kenaikan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	7

Pengguna harap harga kekal hingga sambutan Aidilfitri bulan depan

Harga barangan tak alami kenaikan

Oleh HASLIZA NUSI, LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR dan MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD

KUALA LUMPUR - Orang ramai mula menarik nafas lega selepas tiada kenaikan harga barangan yang begitu ketara di pasaran ketika bulan Ramadan ini.

Tinjauan Kosmo! di Pasar Chow Kit di sini mendapati, rata-rata peniaga masih mengekalkan harga barangan seperti ayam, daging, ikan dan sayur-sayuran.

Ini sekaligus dapat membantu umat Islam di ibu kota terus mempeibagikan menu bagi sahur dan berbuka puasa.

Selain itu juga, diharapkan tiada tekanan harga makanan oleh peniaga kepada pembeli terutama di bazar Ramadan pada musim puasa ini.

Peniaga daging dan ayam Ahmad Farid Fauzi, 37, berkata, dia masih mengekalkan harga barangan seperti ayam dan daging ketika ini berikutan masih memperoleh bekalan bahan mentah itu daripada pembekal ketika ini.

Ujarnya, harga daging import masih dijual sekitar RM22 bagi



SEORANG peniaga ayam menanti pelanggan membeli barangan itu di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur semalam.

sekilogram (kg), manakala bagi ayam standart pula pada harga RM9.40 per kg.

"Kita nak letak harga mahal pun susah, nanti tiada orang datang nak beli, lagi pun kita tidak putus bekalan. Jadi, apa yang kita boleh buat kekalkan sahaja harga ketika ini sama seperti sebelum

bulan puasa.

Di Ipoh, Perak, pengguna berharap tiada sebarang kenaikan harga barangan berlaku sepanjang sebulan umat Islam berpuasa sehinggalah, Hari Raya Aidilfitri bulan hadapan.

Seorang kakitangan kerajaan, Mohd. Hamdan Razali, 39, berka-

ta, harga barangan yang kekal membolehkan mereka berbelanja mengikut kemampuan masing-masing.

Menurutnya, jika harga barangan meningkat, ia menambah beban mereka untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"Biarlah harga barang ma-

kanan seperti ayam kekal dijual RM9.40 sekilogram.

"Jika naik, sudah tentulah harga makanan turut meningkat sama, menyukarkan orang ramai untuk membeli juadah di bazar Ramadan," katanya.

Dalam pada itu, di George Town, Pulau Pinang, tinjauan di beberapa pasar awam mendapati, harga bagi sayur-sayuran seperti bayam, bendi, tomato dan sawi masih kekal sama di bawah RM10 sekilogram.

Seorang seorang peniaga sayur, Izam Abd Hamid, 42, memberitahu, harga bagi kesemua jenis sayur-sayuran yang dipasarkan ketika ini didapati masih kekal sama dan tiada berlaku kenaikan buat masa ini.

"Buat masa ini, harga sayur-sayuran didapati tidak naik dan tidak turun berbanding Februari lalu naik terlalu mendadak sehingga memberi kepada jumlah pelanggan yang datang.

"Ketika ini, harga semasa bagi bendi dijual RM10 sekilogram, Bayam RM5, tomato RM8, manakala sawi pula sekitar RM3 sekilogram berbanding sebelum ini RM4 hingga RM6," ujarnya.

Jual daging harga Rahmah sempena hari pertama puasa

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	12

Jual daging harga Rahmah sempena hari pertama puasa

GUA MUSANG - Seorang penternak muda dari Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Jeram Tekoh, di sini menumbangkan 10 ekor lembu ternakan dan menjual daging segar pada harga 'Rahmah' iaitu RM25 sekilogram sempena menyambut hari pertama Ramadan.

Raja Mohd Paris Raja Ismail, 35, berkata, sebanyak 1.5 tan metrik daging segar berjaya dijual dalam tempoh dua jam sahaja dan kebanyakannya sudah ditempah awal.

"Harga daging segar di sini biasanya mencecah RM35 sekilogram.

"Tetapi sempena hari ini (Khamis) serta menyambut seruan kerajaan dalam meringankan beban rakyat, saya beri potongan RM10," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujarnya, sudah menjadi tradisi rakyat Kelantan apabila menyambut puasa, mereka akan menjadikan daging lembu tempatan segar sebagai hidangan semasa bersahur.

Raja Mohd Paris berkata, sejak tiga tahun lalu, apabila tiba bulan Ramadan, dia akan menjual daging segar dengan harga murah berbanding hari biasa bagi membolehkan orang kampung menikmatinya.

Food items to cost a bit more

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Nation	4

Food items to cost a bit more

Supply of Ramadan essentials stable, but traders may hike prices due to high demand

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: There is a stable supply of essential food items for the fasting month of Ramadan, but prices have slightly increased due to high demand, say traders.

Khairul Anwar Ab Majid, who sells beef at the TTDI market, said that his supply of local and imported beef is stable, but the prices have generally gone up by 15% to 35% since last month.

"Before the fasting month of Ramadan, the beef prices increased from RM1 to RM1.50 every week, depending on the part of the meat.

"Beef tenderloin is expensive and in high demand during Ramadan, at RM52 per kg.

"The imported beef prices increased by 15% to 20% and local beef prices by 30% to 35%," he said when contacted.

He said that although Muslims are excited about celebrating Hari

Raya again, the inflation and higher food prices have dampened celebrations, and consumers are more cautious.

"Regular customers who come to my stall say their spending on beef has gone up and that the amount of beef that used to cost RM200 to RM300 for a week has now risen to RM350 and more.

"Many customers have cut down on their expenditure, while the prices of meat, vegetables and other food items in the same market have risen.

"My net profit is also 30% lower now than before the pandemic. There was less shopping at the market when people started travelling.

"But with Ramadan now, the market hopes to regain 80% of its customers," he said.

Kedah Fishing Boat Owners Association deputy president Abdul Khadzib Bakar said the demand for fish during Ramadan is expected to increase, and the prices have risen

by 20% to 30%.

"Ikan cencaru (torpedo scad), prawns and squid prices are increasing, and the supply is low," he said.

He said price increases are common during Ramadan as demand increases.

He also said the limited number of fishing boats going out to sea has resulted in lower catches.

"Previously, we would return with two to three baskets of prawns and squid; now, we might even return empty-handed or just with a basketful of catch," he added.

A mutton seller, who wished to be known only as Abdul A, said there is enough mutton stock, but lamb supply is low, and the prices have increased because of the unstable currency exchange.

"The wholesale price for mutton rose by 20%, while lamb has risen by 40%," he added.

He said he has increased orders for imported mutton because

demand is high during Ramadan.

"Yes, there will be (increase in demand), but the government fixes our market price, so the seller has to bear the cost," he said.

When contacted, hypermarket chain Mydin's managing director, Datuk Ameer Ali Mydin, said the supply of chicken, mutton and beef is sufficient.

"The imported beef and mutton prices have increased slightly, and local beef prices are higher than those imported," he added.

Federation of Vegetable Farmers Associations president Lim Ser Kwee said despite the earlier rainy season, vegetable production has recovered.

"Previously, vegetable production from farms in Cameron Highlands and southern Johor fell due to continuous rainy days. There is a recovery in vegetable production now, so prices have dropped by 20%."

Since there is a sufficient supply, he does not anticipate a rise in

vegetable prices during the fasting month.

Malaysian Association of Hotels (MAH) president Datin Christina Toh said the city centre hotel Ramadan buffet prices have risen by 15% due to many factors, such as electricity bills, workers' wages and high material prices.

MAH Johor chapter chairman Ivan Teo said that while the prices of Ramadan buffets offered by Johor hotels have not increased, the number of food options has reduced.

"The market is competitive, and raising the price may result in losing customers, so you can only reduce food options."

With many businesses recovering from the outbreak, the customer base will likely decrease this Ramadan.

"Luckily, Johor Baru hotels are seeing Singaporean tourists over the weekend, and occupancy rates are fairly high."